



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Zamimah Osman & Mohamad Zakuan Tuan Ibharim (2025). Analisis bibliometrik domain bahasa, sastra dan budaya: Perbandingan makalah berindeks Scopus dengan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 349-378. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.14>

ANALISIS BIBLIOMETRIK DOMAIN BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA: PERBANDINGAN MAKALAH BERINDEKS SCOPUS DENGAN RENTAS: JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

*(Bibliometric Analysis of Language, Literature, and Culture
Domains: A Comparison of Scopus-Indexed Articles and
RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya)*

¹Zamimah Osman & Mohamad Zakuan Tuan Ibharim

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia

¹*Corresponding author: zamimah@uum.edu.my*

Received: 6/4/2025 Revised: 25/6/2025 Accepted: 30/6/2025 Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Analisis bibliometrik merupakan alat penting dalam penilaian dan pemetaan hasil penyelidikan dan penerbitan teks ilmiah, terutamanya dalam mengenal pasti pola penulisan, metrik petikan, perkembangan bidang tujahan dan impak penerbitan. Makalah ini membincangkan prestasi dan impak penerbitan dalam bidang bahasa, sastra dan budaya menerusi analisis bibliometrik, dengan memfokus kepada jurnal RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya. Objektif kajian adalah untuk membandingkan trend penerbitan makalah dalam

RENTAS dengan makalah berindeks Scopus bagi mengenal pasti kesepadanan tema, pola penyelidikan dan potensi pembangunan jurnal. Kaedah kajian melibatkan pemetaan domain dan analisis trend temporal berdasarkan dua korpus data, iaitu sebanyak 15,527 makalah yang diperoleh daripada pangkalan data Scopus menggunakan kata kunci seperti “linguistics”, “literary studies”, dan “cultural studies”, serta 30 makalah RENTAS yang diterbitkan dari tahun 2022 hingga 2024. Data dianalisis menggunakan perisian VOSviewer dan laman sesawang ScienceScape, manakala maklumat RENTAS diperoleh daripada Open Journal System (OJS). Dapatan kajian menunjukkan trend penerbitan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya adalah seiring dengan perkembangan penerbitan di peringkat antarabangsa, khususnya berasaskan petunjuk jaringan bidang-subbidang dan kata kunci. Makalah ini turut menghuraikan implikasi analisis bibliometrik terhadap dasar penerbitan dan pengurusan jurnal yang lebih sistematik dan saintifik. Penulisan ini diharapkan berupaya menjadi panduan kepada sidang editorial jurnal untuk meningkatkan keterlihatan jurnal, sekali gus membantu merancang penerbitan makalah yang berimpak tinggi. Dalam aspek penerbitan, dapatan ini berupaya membantu penulis, penilai dan pentadbir jurnal dalam menentukan kerelevanan makalah yang diterbitkan dengan keperluan semasa.

Kata kunci: Bibliometrik, bahasa, sastra, budaya, Scopus, trend penerbitan.

ABSTRACT

Bibliometric analysis is a crucial tool for evaluating and mapping research output and scholarly publications, particularly in identifying writing patterns, citation metrics, field development, and publication impact. In terms of publishing, these findings can assist authors, reviewers, and journal administrators in determining the relevance of published articles to current needs. To this end, a bibliometric analysis was conducted on the three domains of RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya, namely language, literature, and culture. Based on publication statistics of Scopus-indexed articles, the analysis examines various bibliometric indicators, such as rankings based on keywords, demographics, and citation metrics, to assess current publication trends and the impact of articles in the three domains. Overall, the findings indicate that the publication

trends of RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya correspond to international publishing development, particularly in terms of field-subfield networks, author keywords, and author demographics. This paper also discusses the implications of bibliometric analysis for more systematic and scientific journal publication policies and management. It is hoped that these findings will serve as a guide for journal editorial boards to enhance the journal's visibility and facilitate the projection of high-impact article publications.

Keywords: *Bibliometric, language, literature, culture, Scopus, publication trend.*

PENGENALAN

Dalam era digital yang semakin berkembang pesat, penerbitan ilmiah telah mengalami pertumbuhan yang luar biasa dari segi kuantiti dan kompleksiti ¹(Bornmann & Mutz, 2015). Fenomena ini telah mencetuskan keperluan untuk kaedah penilaian dan analisis yang lebih canggih dan sistematik dalam bidang penyelidikan dan keserjanaan. Salah satu pendekatan yang semakin mendapat perhatian dan pengiktirafan dalam komuniti akademik ialah kajian bibliometrik (Ellegaard & Wallin, 2015).²

Bibliometrik, secara umumnya, merujuk kepada penggunaan kaedah matematik dan statistik untuk menganalisis dan mengukur output penerbitan ilmiah (Pritchard, 1969).³ Ia merangkumi pelbagai teknik yang membolehkan para penyelidik dan penggubal dasar untuk menilai impak, pengaruh, dan trend dalam penerbitan akademik dengan cara yang lebih objektif dan terukur. Kepentingan kajian bibliometrik terletak pada kemampuannya untuk mengenal pasti trend dan corak dalam penerbitan ilmiah, mengukur produktiviti penyelidik dan institusi, menilai impak dan pengaruh makalah ilmiah tertentu, memetakan struktur dan dinamik bidang penyelidikan dan membantu dalam membuat keputusan berkaitan peruntukan dana dan pengurusan penerbitan dan penyelidikan (Mingers & Leydesdorff, 2015).⁴

Dalam konteks semasa, penerbitan jurnal semakin meningkat dan persaingan untuk mendapatkan perhatian dan pengiktirafan semakin sengit, kajian bibliometrik menawarkan alat yang berharga untuk memahami landskap penyelidikan yang kompleks (Sugimoto & Larivière, 2018).⁵ Ia membantu penyelidik, pentadbir akademik, dan

penggubal dasar untuk membuat keputusan yang lebih bermaklumat dan strategik berkaitan hala tuju penyelidikan, kolaborasi, dan penerbitan dalam bidang-bidang tertentu. Pun begitu, adalah penting untuk mengakui bahawa walaupun bibliometrik menawarkan kaedah analisis yang mempunyai nilai penyelidikan yang tinggi, ia bukanlah pengganti penilaian kualiti penyelidikan dan penerbitan (Hicks et al.,⁶ 2015). Sebaliknya, ia harus dilihat sebagai alat pelengkap yang apabila digabungkan dengan penilaian pakar dan pertimbangan kontekstual, dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang prestasi dan impak penerbitan.

Satu daripada jurnal baharu yang semakin menonjol dalam landskap penerbitan ilmiah tempatan ialah RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya, yang diterbitkan oleh Universiti Utara Malaysia sejak tahun 2022. Jurnal ini memfokuskan kepada tiga domain utama iaitu bahasa, sastra dan budaya dengan matlamat untuk menyemarakkan wacana ilmiah dalam lingkungan geolinguistik Austronesia dan Malayonesia. Skop penerbitannya merangkumi kajian linguistik, kesusasteraan Melayu dan antarabangsa, serta isu-isu budaya dari pelbagai perspektif disiplin. Walaupun jurnal ini masih baharu dan belum berindeks Scopus, pertumbuhan penerbitannya yang konsisten serta liputan tiga domain yang saling berkait menunjukkan potensinya sebagai jurnal rujukan serantau. Namun begitu, satu persoalan penting yang wajar dikemukakan ialah sejauh manakah penerbitan jurnal ini mematuhi dan mencerminkan trend semasa dalam ketiga-tiga domain tersebut, sebagaimana yang tercermin dalam penerbitan jurnal antarabangsa yang telah lama mapan dan berindeks.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka analisis bibliometrik dalam konteks penerbitan jurnal ilmiah, dengan memfokus kepada penerbitan dalam tiga domain jurnal RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya, iaitu bahasa, sastra dan budaya. Analisis ini dijalankan menerusi perbandingan statistik penerbitan tiga jilid jurnal ini (Jil. 1, 2 dan 3) dengan trend penerbitan makalah berindeks Scopus (Elsevier) yang merangkumi lebih 15 ribu makalah. Justifikasi pemilihan Scopus sebagai penanda aras jaringan penerbitan berkualiti tinggi. Secara keseluruhannya, makalah ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang dinamik penerbitan dalam bidang bahasa, sastra dan budaya dan menyediakan panduan untuk penambahbaikan dan pembangunan strategik penerbitan jurnal yang berimpak tinggi pada masa hadapan.

PERKEMBANGAN DOMAIN BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

Umumnya, analisis bibliometrik semakin kerap dimanfaatkan untuk memetakan landskap intelektual dalam penyelidikan bahasa, sastra, dan budaya. Pun begitu, kebanyakan kajian yang dijalankan bersifat berfokus terhadap satu-satu domain kajian dan bahasa tertentu. Lee (2023),⁷ misalnya meneliti penerbitan dalam bidang bahasa dan linguistik di 13 buah negara Asia, dan mendapati bahawa pengaruh bahasa Inggeris kekal meluas dalam penerbitan yang dihasilkan. Dalam bidang pendidikan bahasa, Yang dan Wang (2025)⁸ mengenai penilaian bahasa Inggeris dari tahun 1992 hingga 2024 menemukan beberapa tema utama yang menyerlah, seperti penilaian penulisan, penulisan bahasa kedua, dwibahasa, dan penilaian sendiri. Jumlah makalah yang diterbitkan turut memperlihatkan peningkatan yang ketara. Lonjakan ini pastinya mencerminkan tumpuan akademik yang semakin meningkat terhadap rangkaian metodologi penilaian dan implikasinya terhadap aspek kecekapan berbahasa.

Peningkatan jumlah makalah merentasi bidang turut dikenal pasti menerusi lensa bibliometrik. Dalam konteks kajian budaya, konsep Kecekapan Komunikasi Antara Budaya (*Intercultural Communicative Competence* (ICC) juga sering kali dibangkitkan dalam pelbagai kajian. Dalam hal ini, kajian oleh Zhang et al. (2024)⁹ menggunakan perisian CiteSpace bagi menjana output visual mengenai evolusi ICC dalam kerangka pendidikan bahasa. Analisis yang dijalankan mengenal pasti aliran penyelidikan utama, termasuk komunikasi antara budaya dan pengajaran bahasa dan budaya yang mencerminkan peralihan fokus (daripada pengajaran bahasa tradisional kepada dimensi antara budaya). Perubahan ini menunjukkan pengiktirafan yang semakin meningkat terhadap kepentingan menyediakan pelajar untuk komunikasi berkesan dalam pelbagai konteks budaya.

Teknologi juga dijadikan sebagai antara tema utama pengkajian dalam ketiga-tiga domain ini. Sebagai contoh, integrasi kecerdasan buatan dalam pendidikan bahasa dan terjemahan juga menjadi tumpuan kajian. Analisis menyeluruh oleh Li et al. (2025)¹⁰ meneliti aplikasi *chatbot* AI dalam persekitaran pembelajaran bahasa. Kajian ini menonjolkan prospek positif bagi integrasi AI, terutamanya dalam meningkatkan penglibatan pelajar dan menyediakan pengalaman pembelajaran yang diperibadikan. Walau bagaimanapun, ia turut

menekankan pertimbangan seperti inovasi teknologi, tanggungjawab etika, dan keperluan untuk kerjasama antara pendidik dan pembangun teknologi bagi mengoptimumkan keberkesanan *chatbot* AI dalam pendidikan (lihat juga Zhang et al., 2024).¹¹

Dalam kajian bahasa dan budaya, analisis data raya dan korpus linguistik juga semakin menjadi tumpuan pengkaji. Berbantuan kewujudan pangkalan data berskala besar seperti Google Books Ngram Viewer dan Corpus of Contemporary American English (COCA) (sekadar beberapa contoh), penyelidik kini dapat mengesan perubahan leksikal dan sintaksis dalam tempoh yang panjang, dan seterusnya membantu penghasilan model bahasa besar (*large language models*) bagi melatih model kecerdasan buatan. Kajian oleh Li et al. (2025)¹² mendapati bahawa analisis korpus bukan sahaja dapat mengenal pasti perubahan dalam frekuensi perkataan, tetapi juga mengungkap pola penggunaan bahasa dalam pelbagai genre dan konteks sosial. Di samping itu, teknik pembelajaran mesin dan pemprosesan bahasa semula jadi (NLP) semakin digunakan untuk menganalisis teks berskala besar, membolehkan pemetaan trend semantik dan perubahan budaya dengan lebih mendalam. Ini membuktikan bahawa integrasi data raya dalam penyelidikan bahasa dan budaya bukan sahaja meningkatkan ketepatan analisis, tetapi juga membuka ruang kepada penyelidikan baharu yang lebih luas dan mendalam. Hal ini membuktikan bahawa integrasi data raya dalam penyelidikan bahasa dan budaya bukan sahaja meningkatkan ketepatan analisis, tetapi juga membuka ruang kepada penyelidikan baharu yang lebih luas dan bersifat mendalam.

Di Malaysia, pembangunan korpus data raya dan aplikasi korpus linguistik dalam kajian bahasa Melayu turut menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan. Dewan Bahasa dan Pustaka, misalnya, telah membangunkan *Korpus DBP* yang mengandungi lebih 100 juta patah perkataan daripada pelbagai sumber teks termasuk akhbar, buku ilmiah, dan majalah. Di peringkat akademik, Universiti Malaya melalui *Malay Concordance Project* serta Universiti Kebangsaan Malaysia dengan *Malay Dependency Treebank* telah menyumbang kepada pembangunan korpus beranotasi untuk tujuan linguistik dan pemprosesan bahasa. Kajian oleh Tee Boon Chuan (2023),¹³ yang meneliti aspek morfologi bahasa Melayu menggunakan kaedah korpus, serta kajian oleh Mohd Sufian Ismail dan Anida Sarudin (2022)¹⁴ yang menggunakan perisian ATLAS.ti untuk analisis kata kunci dalam karangan pelajar SPM, mencerminkan penggunaan

pendekatan data raya dalam penyelidikan tempatan. Perkembangan ini menunjukkan bahawa penggunaan korpus dan analitik berskala besar dalam bahasa Melayu bukan sahaja semakin mapan, tetapi juga berpotensi besar untuk menyokong pembangunan sumber linguistik dan model kecerdasan buatan berbahasa Melayu yang lebih mantap pada masa hadapan.

Dalam bidang kajian sastera, analisis bibliometrik juga dijalankan untuk meneliti trend penyelidikan, tema utama, dan perubahan dalam pendekatan kritis. Kajian oleh Rajathi dan Kalamani (2023) menunjukkan bahawa terdapat peningkatan ketara dalam kajian sastera digital pada abad ke-20. Analisis yang dijalankan juga menunjukkan bahawa pengaruh pendekatan rentas disiplin, khususnya menerusi karya kesusasteraan informatif, alam sekitar (*enviromental*) dan digital mencatatkan peningkatan ketara. Penemuan ini secara keseluruhannya mencerminkan perubahan keutamaan akademik dalam kajian sastera yang memperlihatkan peralihan kecenderungan penyelidik untuk mengkaji sastera dalam konteks teknologi, ekologi, dan politik antarabangsa.

RENTAS: JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya (ISSN: 2976-3126; eISSN: 2976-3134) merupakan jurnal ilmiah yang bernaung di bawah Universiti Utara Malaysia (UUM) Press. Jurnal ini merupakan satu inisiatif Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (UBSBM), Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah untuk menyemarakkan kegiatan penulisan ilmiah, khususnya dalam domain bahasa, sastera, dan budaya dalam lingkungan Austronesia dan Malayonesia. RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya ditubuhkan pada 2021 dan diterbitkan sekali setiap tahun (Julai). Penilaian makalah dijalankan menerusi proses *double blind* (identiti pemakalah dan penilai tidak dinyatakan). Kini, jurnal ini sudah menerbitkan tiga jilid (Jil. 1 hingga 3) yang merangkumi tiga puluh (30) makalah yang dihasilkan dalam bahasa Melayu dan Inggeris. RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya turut diindeks oleh MyJurnal, Google Scholar, Cross-Ref, Directory of Open Access Journals (DOAJ), Scientific Indexing Services (SIS) dan Asian Science Citation Index (ASCI). Rajah 1 menunjukkan jurnal RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya, manakala Jadual 1 menunjukkan bilangan makalah yang diterbitkan dalam tiga keluaran awal jurnal tersebut.

Jadual 1

Bilangan Makalah dalam Penerbitan Jurnal RENTAS

Jilid	Bilangan	Jumlah makalah
1	Bil 1, Julai 2022	8
2	Bil 2, Julai 2023	12
3	Bil 3, Julai 2024	10

Rajah 1

RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya (Jil. 1, 2022)



KORPUS DAN METODOLOGI

Secara keseluruhannya, kajian ini merangkumi dua fasa utama, iaitu analisis bibliometrik pangkalan data makalah berindeks Scopus dan disusuli analisis statistik RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya. Dapatan kedua-dua analisis seterusnya dibandingkan dan dihuraikan secara deskriptif bagi menjelaskan analisis rangkaian korpus kajian, dapatan pemetaan afiliasi-negara penulis, analisis trend penulisan dan sitasi, dan analisis tema-subtema (kata kunci dan topik). Berikut merupakan prosedur pengumpulan data kajian:

Pangkalan Data Makalah Berindeks Scopus

1. Penjanaan korpus bibliometrik berformat CSV yang merangkumi 15,527 makalah diperoleh daripada pangkalan

- data Scopus berlatarkan carian sembilan (9) kata kunci dan penyisihan kata kunci “*literature review*”, seperti berikut: (TITLE-ABS-KEY(“*linguistics*” OR “*language studies*” OR “*applied linguistics*”) OR TITLE-ABS-KEY(“*literary studies*” OR “*comparative literature*” OR “*narrative studies*”) OR TITLE-ABS-KEY(“*cultural studies*” OR “*intercultural studies*” OR “*ethnocultural studies*”)) AND NOT TITLE-ABS-KEY(“*literature review*”);
2. Pengecualian beberapa kriteria bagi mengehadkan jumlah makalah: penerbitan dalam tempoh lima (5) tahun (2021-2025); pengecualian output penerbitan berbentuk jurnal sahaja; dan pengambil kiraan tiga (3) bidang penulisan dengan jumlah penerbitan tertinggi (*Computer Science*, *Social Sciences* dan *Arts and Humanities*) sahaja; dan
 3. Pengaplikasian perisian VOSviewer dan laman web ScienceScape untuk membantu analisis dan visualisasi data bibliometrik, khususnya pemetaan bidang-subbidang, pemetaan demografi penulis dan afiliasi, metrik petikan dan kata kunci yang digunakan oleh penulis.

Pangkalan Data Penerbitan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya

1. Penjanaan data bibliometrik, khususnya statistik penerbitan daripada sistem Open Journal System (OJS) yang merangkumi maklumat demografi penulis, 30 makalah yang diterbitkan, dan maklumat umum penilaian;
2. Penjanaan awan kata (*word cloud*) bagi kata kunci yang digunakan oleh penulis; dan
3. Penjanaan statistik pelawat laman sesawang jurnal (*editor's view*) bagi menganalisis dan menentukan impak keterlihatan jurnal dan ciri judul makalah yang sering kali ditinjau dan dimuat turun oleh pengguna.

KAEDAH ANALISIS BIBLIOMETRIK

Sebagaimana penjelasan di atas, pelbagai petunjuk bibliometrik boleh dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif, terutamanya bagi mengesahkan kebolehpercayaan dan keterwakilan korpus kajian

terhadap populasi domain bahasa, sastra dan budaya. Pun demikian, kajian ini menghadkan analisis kepada dua kaedah utama, iaitu pemetaan bidang kajian dan analisis trend temporal. Kedua-dua kaedah ini dipilih memandangkan dapatan analisis berskala besar, iaitu penerbitan makalah berindeks Scopus kemudiannya dibandingkan dengan statistik RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya bagi menentukan impak dan perancangan strategik jurnal ini.

Huraian bagi kedua-dua kaedah analisis bibliometrik ini adalah seperti berikut:

Pemetaan Domain Kajian

Teknik pemetaan bidang atau domain kajian ialah teknik untuk mewujudkan perwakilan secara visual bidang penyelidikan atau domain tumpuan. Analisis ini bertujuan untuk menunjukkan struktur dan kedinamikan bidang penyelidikan, mengenal pasti kelompok topik atau subbidang yang berkaitan secara menyeluruh. Dalam analisis yang dijalankan, perkaitan antara ketiga-tiga bidang tujahan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya, iaitu bidang bahasa, sastra dan budaya dijadikan teras bagi pemerolehan dan penganalisan data. Data yang dijana dalam bentuk visual berupaya menjelaskan secara keseluruhan perkaitan antara ketiga-tiga bidang ini dalam kerangka yang luas, dan bidang yang menjadi tumpuan pengkaji. Analisis pemetaan domain sering menggunakan teknik pengurangan dimensi untuk memaparkan hubungan kompleks dalam ruang bersifat dua dimensi. Dapatan yang dijana juga boleh dianalisis bersama-sama dapatan bibliometrik lain, seperti analisis petikan dan analisis kata kunci.

Analisis Trend Temporal

Teknik analisis trend temporal melibatkan penelitian terhadap perubahan dalam trend penerbitan dari semasa ke semasa. Ia boleh digunakan untuk mengesan peningkatan atau kemerosotan sesuatu tajuk makalah, mengkaji perubahan dalam kadar penerbitan atau petikan dan mengenal pasti perubahan dalam corak penerbitan bersama atau penerbitan hasil daripada penyelidikan. Teknik ini sering melibatkan pembinaan siri masa pelbagai metrik bibliometrik dan menggunakan kaedah statistik untuk mengenal pasti trend penerbitan yang signifikan. Dalam konteks kajian, analisis ini dijalankan

dengan meneliti kata kunci yang menjadi tumpuan utama penulis setiap tahun bagi menilai perubahan pola kajian dalam ketiga-tiga domain berlatarkan korpus makalah berindeks Scopus. Dapatan ini kemudiannya dibandingkan dengan maklumat penerbitan dan tinjauan pelawat ke laman RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya.


Kesemua teknik yang dibincangkan ini sering digunakan bersama-sama dalam analisis bibliometrik untuk memberikan gambaran yang komprehensif tentang landskap penyelidikan dan trend dalam penerbitan jurnal, khususnya RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya. Analisis yang dihasilkan ini dapat membantu penyelidik, pengurus jurnal, dan pembuat dasar untuk memahami dengan lebih baik perkembangan dalam bidang penerbitan ilmiah ini dan membuat keputusan yang rasional (*informed decision*) berdasarkan bukti empiris (*evidence-based strategies*) mengenai pelan perancangan strategik penerbitan jurnal pada masa hadapan.

DAPATAN KAJIAN

Pemetaan Domain Kajian


Rajah 2

Rangkaian Bidang-Subbidang Kajian Bahasa, Sastra dan Budaya dalam Penerbitan Makalah Berindeks Scopus (2021-2025)




Rajah 3

Jaringan Bidang Bahasa, Sastra dan Budaya dalam Penerbitan Makalah Berindeks Scopus (2021-2025)



Rajah 4

Pemetaan Bidang Kajian dalam Penerbitan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya



Kedua-dua Rajah 2 dan 3 memaparkan pemetaan bidang dan subbidang yang diterbitkan dalam pangkalan data Scopus sepanjang 2021-2025. Rajah 2 menunjukkan bahawa bidang linguistik amnya mendominasi penerbitan dalam domain bahasa, sastera dan budaya, dengan tumpuan khusus kepada subbidang linguistik korpus dan linguistik perkomputeran. Seperkara penting yang menonjol ialah kewujudan pelbagai subbidang teknologi yang dikaitkan secara langsung dalam kerangka linguistik perkomputeran, seperti kecerdasan buatan (AI), model bahasa besar (*large language model*), pemprosesan bahasa tabii (NLP), sistem pembelajaran, pemprosesan bahasa, dan terjemahan berbantuan komputer. Walaupun subbidang ini berakar daripada bidang linguistik ia telah berkembang menjadi topik rentas disiplin yang menonjol dalam landskap penerbitan global. Subbidang linguistik korpus pula amnya dihasilkan bersama-sama bidang linguistik dan domain kajian secara keseluruhan, termasuk linguistik sejarawi, bahasa dan linguistik, kesusasteraan dan kajian budaya. Selain itu juga, dapat diperhatikan bahawa penerbitan bidang bahasa, dan budaya turut dikaitkan dengan disiplin ilmu kemanusiaan secara umumnya, seperti bidang pembelajaran, eksperimen, fisiologi, emosi dan persepsi, sebagaimana yang dipaparkan pada bahagian kanan Rajah 2.

Berdasarkan visual yang lebih terperinci, Rajah 3 pula memaparkan pertalian ketiga-tiga domain tujahan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya, iaitu bahasa, sastera dan budaya, saling berkait secara langsung dalam penerbitan makalah berindeks Scopus. Walaupun jumlah penerbitan dalam domain ini lebih kecil, analisis memperlihatkan adanya struktur hubungan antara bidang utama yang mencerminkan trend rentas disiplin. Perihalannya serupa turut diperhatikan dalam pemetaan penerbitan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya secara keseluruhannya yang memetakan hubungan antara bidang (lihat Rajah 4). Walaupun sebahagian makalah yang diterbitkan mempunyai batasan disiplin yang jelas, seperti dialektologi, umumnya makalah yang diterbitkan bersifat rentas disiplin, khususnya menerusi tema linguistik korpus, analisis tekstual, pemikiran, akal budi, bahasa Melayu dan lain-lain. Misalnya, makalah Nor Hashimah Jalaluddin (2023) mencakupi dua domain, iaitu bahasa dan budaya dalam konteks ekologi, manakala makalah Waemasna Waeyusoh dan Yusniza Yaakub (2023) pula membincangkan teks sastera (puisi) dalam konteks budaya. Secara dasarnya, Rajah 4 juga menunjukkan bahawa penerbitan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera

dan Budaya dipelopori domain bahasa, khususnya disiplin linguistik berbanding domain budaya dan sastra.


Dapatan ini menunjukkan bahawa trend penerbitan semasa dalam jurnal berindeks Scopus menjurus kepada penyelidikan yang bersifat interdisiplin dan berteraskan teknologi. Pemetaan ini turut mengaitkan bidang bahasa dan budaya dengan memperlihatkan peluasan sempadan tradisional ketiga-tiga domain kajian. Apabila dapatan ini dibandingkan dengan struktur penerbitan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya (Rajah 4), jelas menunjukkan wujudnya jurang atau ketidakseimbangan antara pendekatan penyelidikan yang diterbitkan dalam Scopus dan jurnal RENTAS. Objektif kajian yang bertujuan menilai sejauh mana trend penerbitan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya sejajar dengan penerbitan antarabangsa dapat dilihat dalam konteks ini. RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya cenderung mengekalkan pendekatan tradisional yang memfokuskan pada aspek bahasa dan budaya dalam kerangka tempatan dan konseptual, manakala Scopus menonjolkan perluasan kepada subbidang berasaskan data raya, teknologi, dan pengaplikasian AI.

Perbandingan ini membawa kepada isu utama kajian, iaitu keperluan untuk meneliti kembali pencirian dan pengkhususan bidang dalam RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya agar lebih selari dengan perkembangan semasa, serta meningkatkan potensi keterlihatan dan kerelevanannya di peringkat antarabangsa. Dengan meneliti pola dan subbidang yang mendominasi Scopus, pihak editorial RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya berupaya merancang strategi penjenamaan kandungan dan bidang tumpuan agar lebih responsif terhadap landskap penyelidikan global semasa. Isu utama yang diketengahkan di sini ialah pencirian bidang dalam penerbitan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya perlu ditambah baik agar lebih selaras dengan perkembangan semasa dan trend penyelidikan antarabangsa. Sebagai contoh, penerbitan Scopus menunjukkan peningkatan dalam topik seperti linguistik perkomputeran, kajian budaya digital, serta penggunaan data raya dan kecerdasan buatan dalam penyelidikan bahasa dan budaya. Dalam konteks ini, pencirian bidang dalam RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya perlu lebih responsif terhadap trend tersebut dengan menampilkan kajian yang bersifat global, inovatif dan berpaksikan data atau pendekatan transdisiplin.

Analisis Trend Temporal

Rajah 5

Trend Penerbitan Domain Bahasa, Sastra dan Budaya dalam Makalah Berindeks Scopus (2021-2025)



Rajah 6

Kata Kunci Tertinggi Berkaitan Domain Bahasa, Sastra dan Budaya dalam Penerbitan Makalah Berindeks Scopus (2021-2024)

2021	2022	2023	2024
- corpus linguistics 188 papers - linguistics 117 papers - cultural studies 96 papers - systemic functional linguistics 78 papers - cognitive linguistics 61 papers - comparative literature 53 papers - natural language processing 52 papers - language 45 papers - translation 40 papers - historical linguistics 38 papers	- corpus linguistics 213 papers - linguistics 126 papers - cultural studies 104 papers - cognitive linguistics 72 papers - comparative literature 55 papers - systemic functional linguistics 54 papers - historical linguistics 52 papers - natural language processing 49 papers - translation 47 papers - language 47 papers	- corpus linguistics 256 papers - linguistics 117 papers - cultural studies 84 papers - cognitive linguistics 76 papers - natural language processing 75 papers - comparative literature 71 papers - historical linguistics 55 papers - translation 48 papers - discourse analysis 44 papers - deep learning 42 papers	- corpus linguistics 250 papers - cultural studies 212 papers - linguistics 132 papers - large language models 109 papers - language & linguistics 103 papers - natural language processing 83 papers - comparative literature 78 papers - applied linguistics 77 papers - cognitive linguistics 76 papers - artificial intelligence 74 papers
2025			
- cultural studies 38 papers - corpus linguistics 37 papers - language & linguistics 24 papers - linguistics 19 papers - literature 17 papers - applied linguistics 14 papers - cognitive linguistics 12 papers - culture 12 papers - deep learning 10 papers - natural language processing 9 papers			

Rajah 7

Cakupan Bidang-Subbidang dalam Penerbitan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya

2022	2023	2024
• Semantik 2 makalah • Analisis teks kesusasteraan 2 makalah • Falsafah bahasa 1 makalah • Pragmatik 1 makalah • Pengantarabangsaan karya sastra 1 makalah • Pendidikan bahasa 1 makalah	• Dialektologi 3 makalah • Morfologi 2 makalah • Analisis teks kesusasteraan 2 makalah • Pragmatik 1 makalah • Budaya 1 makalah • Pemikiran 1 makalah • Etimologi 1 makalah • Semantik 1 makalah	• Pendidikan bahasa 2 makalah • Analisis teks kesusasteraan 2 makalah • Pemprosesan bahasa tabii 1 makalah • Semantik 1 makalah • Terjemahan audiovisual 1 makalah • Tatabahasa 1 makalah • Stilistik 1 makalah • Dialektologi 1 makalah

Analisis trend temporal memperlihatkan perkembangan ketiga-tiga domain kajian sepanjang lima tahun. Perlu dijelaskan bahawa trend penerbitan pada tahun 2025 tidak bersifat komprehensif, memandangkan pengekstrakan data hanya dijalankan pada permulaan tahun tersebut (lihat trend penurunan bagi beberapa kata kunci pada penghujung carta Rajah 5). Secara keseluruhannya, terdapat pola pengekalan, peningkatan dan penurunan beberapa kata kunci. Sebagai contoh, subbidang linguistik korpus, pemprosesan bahasa tabii, kajian budaya, kesusasteraan perbandingan dan linguistik kognitif dinilai kekal relevan. Rajah 6 menunjukkan bahawa hampir kesemua subbidang ini menunjukkan peningkatan jumlah penerbitan dari semasa ke semasa, dengan subbidang linguistik korpus mencatatkan jumlah penerbitan tertinggi bagi domain bahasa, diikuti oleh kajian budaya (domain budaya) dan kesusasteraan perbandingan (domain sastra).

Tahun 2024 dan 2025 juga masing-masing mencatatkan peralihan trend penerbitan yang mengaitkan linguistik dengan bidang sains komputer menerusi kemunculan subbidang model bahasa besar (109 makalah) dan pembelajaran mendalam (10 makalah), walaupun kedua-dua subbidang ini tidak disenaraikan dalam penerbitan tertinggi pada tahun-tahun sebelumnya. Selain catatan kemunculan dan peningkatan jumlah penerbitan ini, terdapat juga beberapa subbidang yang semakin kurang mendapat sambutan penulis. Sebagai contoh, kedua-dua Rajah


5 dan 6 menunjukkan bahawa subbidang linguistik fungsian-sistemik merekodkan pengurangan jumlah penerbitan yang ketara (hanya direkodkan pada 2021 dan 2022). Perihal berbeza pula dicatatkan bagi subbidang terjemahan dan kajian budaya yang menunjukkan peningkatan jumlah penerbitan sekitar tahun 2024-2025 (lihat Rajah 5).

Rajah 7 juga memperlihatkan beberapa pengekal dan peralihan trend penyelidikan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya. Sebagai contoh, penyelidikan dalam bidang semantik, dialektologi, analisis tekstual (karya sastera) serta pendidikan bahasa merupakan antara tema penyelidikan yang menonjol dalam ketiga-tiga jilid jurnal ini. Penerbitan tahun 2024 pula memperlihatkan kemunculan tema kajian berteraskan teknologi, khususnya dalam aspek kecerdasan buatan (pemprosesan bahasa tabii) dan analisis korpus dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Sejajar dengan Rajah 4 sebelum ini, dapatan Rajah 7 turut membuktikan bahawa domain bahasa, khususnya bidang linguistik dan linguistik terapan mendominasi domain sastera dan budaya dalam rangkaian konteks penyelidikan.

Dapatan Pengguna RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya

Rajah 8

Statistik Pelawat Makalah RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya (Feb 2022 – Feb 2025)



Sebagai perbandingan, dapatan trend penerbitan dalam domain bahasa, sastera dan budaya turut disertakan bersama-sama statistik pengguna makalah RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya. Rajah 8 secara khusus membuktikan bahawa sememangnya liputan

jurnal ini mula mendapat tempat dalam akademik sepanjang tiga tahun penerbitannya, terutamanya setelah satu-satu isu diterbitkan (Julai-Ogos). Jadual 2 pula memaparkan statistik kekerapan tinjauan makalah tertinggi dan terendah oleh pelawat. Berdasarkan jadual ini, dapat diperhatikan bahawa makalah domain bahasa menunjukkan catatan jumlah pelawat yang sedikit lebih tinggi (tiga daripada lima makalah tertinggi) berbanding domain sastra (satu) dan budaya (satu), walaupun peratusannya tidak ketara. Dapatan ini turut disokong oleh jumlah makalah yang dimuat turun oleh pengguna laman web RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya. Sebagai contoh, makalah oleh Tee Boon Chuan (2023) dan Hasmidar Hassan et al. (2024) masing-masing dimuat turun sebanyak 5,787 dan 1,747 kali, berbanding makalah Muhardis (2024) sebanyak 97 kali.

Jadual 2

Statistik Tinjauan dan Muat Turun Makalah RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya (5 Teratas dan 5 Terbawah)

ID	Title	Issue	Abstract Views	Download	Domain
20305	BENARKAH MORFOLO	Vol. 2 (2023)	8256	5787	Bahasa
23271	MEMANDANGKAN S	Vol. 3 (2024)	2259	1747	Bahasa
18744	BEBERAPA ISU PEME	Vol. 1 (2022)	1650	1433	Bahasa
15764	PERANAN DAN CABA	Vol. 1 (2022)	1348	984	Sastra
14539	ANALISIS KATA KUN	Vol. 1 (2022)	1270	1284	Bahasa
19472	KESULTANAN BRUN	Vol. 2 (2023)	221	142	Budaya
19106	PENYEBARAN SISTE	Vol. 2 (2023)	196	123	Bahasa
19124	INDONESIAN TEACH	Vol. 3 (2024)	196	124	Bahasa
22704	ACCENTUATING STY	Vol. 3 (2024)	152	112	Sastra
22148	THE INTERNAL VALU	Vol. 2 (2024)	102	97	Budaya

Seperkara penting yang menonjol lagi ialah wujudnya petunjuk yang menghubungkan domain penulisan (bidang-subbidang) dan afiliasi pemakalah. Jika diperhatikan, kesemua lima makalah yang kurang mendapat liputan (dari segi jumlah tinjauan abstrak dan muat turun) dihasilkan oleh penulis antarabangsa (Amerika Syarikat, Indonesia, Thailand dan Brunei). Pun begitu, penelitian lanjut turut menunjukkan bahawa perihalan ini boleh dikaitkan dengan kandungan makalah yang bersifat lokal. Sebagai contoh, makalah yang dihasilkan Haji Awg Asbol (2023) secara khusus merujuk dinamika kebudayaan Brunei dan Aceh, manakala makalah N. Lia Marliana (2024)

merujuk isu bahan pendidikan dalam bahasa Indonesia. Petunjuk ini, walau bagaimanapun, bercanggahan dengan dapatan makalah Hasmidar Hassan et al. (2024) (Brunei) yang merujuk isu tatabahasa bahasa Melayu.

PERBINCANGAN

Secara umumnya, dapatan dua petunjuk utama analisis bibliometrik menemukan dua tema penting. Pertama ialah keupayaan ketiga-tiga domain bahasa, sastra dan budaya untuk diintegrasikan dalam pelbagai lapangan penyelidikan. Perihal ini jelas terangkum dalam Rajah 2 yang memaparkan jaringan dan kaitan antara disiplin dalam ribuan makalah yang diterbitkan, walaupun sebahagian kajian lebih berpusatkan domain tertentu yang sedikit menonjol, khususnya bahasa (linguistik, analisis korpus, linguistik perkomputeran dan sains kemanusiaan). Dapatan ini turut menyokong perkembangan rentas disiplin yang diutarakan oleh Lee (2023) dan Zhang et al. (2024) yang menggariskan peralihan beberapa sub-komponen penting dalam tema penyelidikan terkini, seperti bahasa, sastra dan budaya dalam konteks pendidikan, komunikasi dan teknologi.

Seterusnya ialah penyerlahan tema penyelidikan berasaskan teknologi. Analisis yang dijalankan membuktikan bahawa subbidang linguistik perkomputeran kini berperanan sebagai satu disiplin tersendiri yang kian berkembang pesat, terutamanya menerusi pencapaian rangkaian subbidang dan kemunculan beberapa kata kunci baharu dalam penerbitan semasa (lihat Rajah 2, 6 dan 7). Berbantuan pengupayaan teknologi semasa, khususnya teknologi kecerdasan buatan dan pengeklakan beberapa disiplin linguistik berasaskan teknologi (seperti analisis korpus, pembelajaran mendalam dan pemprosesan bahasa tabii) sepanjang lima (5) tahun ini, dapatan yang sama turut mengunjurkan keutuhan dan kerelevanan subbidang ini pada masa hadapan.

Refleksi Penilaian Prestasi Penerbitan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya

Perbandingan petunjuk bibliometrik bagi pangkalan data Scopus juga boleh dimanfaatkan dengan statistik penerbitan RENTAS: Jurnal

Bahasa, Sastra dan Budaya. Pertama, dapatan analisis pemetaan domain memperlihatkan bahawa cakupan bidang dan subbidang dalam penerbitan RENTAS: *Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya* adalah bersifat kontemporari dan selaras dengan trend penerbitan semasa makalah berindeks Scopus. Umpamanya, jurnal RENTAS: *Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya* turut membariskan makalah bertemakan teknologi (Nomoto et al., 2024), analisis korpus (lihat Hasmidar Hassan et al., 2024; Mohamad Zakuan Tuan Ibharim & Khairul Faiz Alimi, 2024) dan isu teras lain, seperti pendidikan dan tunjang disiplin linguistik itu sendiri (lihat Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin, 2022). Dapatan ini tentunya turut disokong dengan penggunaan beberapa kata kunci berorientasikan penyelidikan semasa oleh penulis, termasuklah bahasa dan teknologi, pemprosesan bahasa tabii, dan korpus.

Selain itu juga, Rajah 3 dan 4 secara jelas turut membuktikan bahawa sememangnya ketiga-tiga domain tujahan RENTAS: *Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, iaitu bahasa, sastra dan budaya mempunyai pertalian secara langsung; justeru melambangkan kerelevanan jurnal ini pada masa hadapan. Perihalan ini pastinya turut boleh dibandingkan dengan kerencaman disiplin yang seiring dengan dapatan analisis trend temporal, seperti kemunculan penerbitan berindeks Scopus dalam subbidang pemprosesan bahasa tabii (lihat Nomoto et al., 2024), dan pengekaln beberapa subbidang lain, seperti perbandingan teks kesusasteraan (lihat Mohamed Nazreen Shahul Hamid et al., 2022), kajian budaya (lihat Waemasna Waeyusoh & Yusniza Yaakub, 2023) dan linguistik terapan (lihat Suganda et al., 2022).

Seperkara penting yang diperhatikan ialah wujudnya hubungan antara statistik tinjauan/muat turun pengguna dengan fokus kajian yang diterbitkan. Walaupun jumlah makalah yang diterbitkan kecil (30 makalah), statistik trend tinjauan/muat turun pengguna menandakan sedikit kecenderungan pengguna terhadap makalah bahasa berbanding dua domain lainnya. Dalam konteks serupa, penghasilan tajuk makalah juga berpotensi menerbitkan rasa ingin tahu audiens sasaran. Umpamanya, walaupun makalah Tee Boon Chuan (2023) menyentuh komponen teras bidang linguistik (morfologi), fokus kajiannya yang bernuansa tempatan (bahasa Melayu) dengan tajuk bernada sedikit provokatif (berbentuk persoalan) ternyata berupaya menarik perhatian pembaca sasaran untuk meninjau, dan seterusnya memuat turun makalah ini. Perihalan setara juga ditemukan dalam

fokus kajian kedua yang paling kerap dimuat turun (Hasmidar Hassan et al., 2024) yang membincangkan isu pokok nahu bahasa Melayu, iaitu kata hubung.

Akhirnya ialah peranan tokoh bahasa, sastra dan budaya dalam melestarikan prestasi dan hala tuju penerbitan. Berdasarkan statistik pengguna RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya, majoriti pengguna lebih cenderung untuk meninjau dan memuat turun makalah yang dihasilkan oleh sarjana yang berwibawa, seperti Tee Boon Chuan (2023) (linguistik), Hasmidar Hassan et al. (2024) (tatabahasa), Shahrir Mohamad Zain (2022) (falsafah bahasa), Hiroki Nomoto et al. (2024) (teknologi), dan Nor Hashimah Jalaluddin (2023) (bahasa dan budaya) berbanding penulis lain. Pun begitu, dapatan yang diperoleh turut mendapati kelompangan capaian bagi makalah yang dihasilkan oleh tokoh luar negara, sekali gus menandakan bahawa kegiatan untuk mempromosikan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya perlu terus dipergiat bagi menempatkan jurnal ini di posisi lebih berkredibiliti. Secara langsung dan tidak langsung, perihalan ini juga menandakan bahawa perancangan hala tuju jurnal perlu mengambil kira kepentingan impak dan sumbangan oleh tokoh dalam ketiga-tiga domain bagi melestarikan sumbangan RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya dalam ketiga-tiga domain tujuannya.

BATASAN KAJIAN

Dapatan kajian ini turut dibatasi beberapa kekangan, khususnya saiz penerbitan RENTAS Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya yang sedikit, iaitu 30 makalah, dan perolehan data perbandingan daripada makalah berindeks Scopus sahaja. Kedua ialah pemanfaatan hanya dua petunjuk bibliometrik, iaitu pemetaan domain kajian dan analisis trend temporal, berbanding penelitian perspektif lain, seperti jaringan demografi penulis bersama, afiliasi pemakalah serta penarafan berdasarkan metrik petikan. Pun begitu, kajian berteraskan dua petunjuk utama ini dinilai memadai bagi mencapai objektif kajian ini. Berikut disertakan beberapa bentuk kekangan yang boleh ditambah baik oleh RENTAS Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya pada masa hadapan:

Pertama ialah wujudnya keperluan analisis penarafan jurnal berdasarkan metrik petikan (*citation metrics*). Analisis ini merupakan

satu kaedah untuk menilai kepentingan atau pengaruh relatif sesebuah jurnal dalam bidangnya. Analisis ini melibatkan pengukuran metrik seperti *impact factor* (IF) yang mengukur purata bilangan petikan yang diterima oleh artikel dalam jurnal tersebut dalam tempoh tertentu (biasanya 3 tahun). Memandangkan RENTAS Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya ini masih di peringkat awal penerbitan dan hanya menjangkau tiga tahun penerbitan, metrik pengiraan IF bagi jurnal ini masih belum terhasil. Selain memberikan IF, indeks-h (*h-index*) jurnal yang mengukur kedua-dua produktiviti dan impak petikan jurnal juga belum dihasilkan. Penarafan jurnal berdasarkan petikan metrik ini penting untuk membantu penyelidik, pustakawan, dan pentadbir akademik untuk menilai kualiti relatif sesebuah jurnal dalam bidang tertentu.

Batasan seterusnya ialah isu penentuan kualiti dan ketepatan data. Walaupun kajian bibliometrik sangat bermanfaat dalam menilai prestasi penerbitan ilmiah, namun wujud kebarangkalian bahawa data yang dinilai tidak tekal dan tidak berupaya mencerminkan pangkalan data yang diindeks. Ketidaktekalan ini berlaku dari aspek perbezaan liputan, indeks, dan piawaian antara pangkalan data. Sebagai contoh, pangkalan data Web of Science, Scopus, dan Google Scholar mempunyai liputan, indeks, dan piawaian yang berbeza antara satu sama lain. Dalam kajian ini, data RENTAS Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya yang diperoleh daripada OJS mempunyai liputan, indeks, dan piawaian yang agak terhad berbanding dengan pangkalan data yang lebih besar seperti Scopus. Masalah ini menyebabkan kesukaran dalam membandingkan pemboleh ubah yang sama, memandangkan analisis dijalankan menggunakan sumber pangkalan data yang berbeza.

Pastinya, isu ini turut dibebani kekangan teknikal, seperti kesalahan entri data, termasuk ejaan nama pengarang yang tidak tekal atau ketidakkonsistenan dalam pemformatan nama institusi. Kelewatan dalam mengindeks petikan baru dan kekurangan liputan untuk bidang atau bahasa tertentu juga menyumbang kepada cabaran ketepatan data ini. Dalam konteks RENTAS Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya, penulisan judul kajian, abstrak dan kata kunci dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris perlu diselaraskan dalam pembinaan pangkalan data bibliometrik agar kesemua data berupaya dirangkumkan dalam analisis yang dihasilkan.

Selain itu, bias dan ketidaksamarataan penerbitan merupakan satu lagi cabaran yang signifikan dalam kajian bibliometrik. Terdapat

kecenderungan yang ketara terhadap penerbitan dalam bahasa Inggeris dan dari negara-negara Barat, terutamanya negara maju. Ini mengakibatkan kurangnya perwakilan untuk penyelidikan dari negara membangun atau dalam bahasa selain bahasa Inggeris. Perbezaan dalam corak penerbitan dan petikan antara bidang yang berbeza menjadikannya sukar untuk membuat perbandingan prestasi antara disiplin. Sebagai contoh, bidang sains hayat cenderung untuk mempunyai kadar petikan yang lebih tinggi berbanding dengan bidang sains sosial (lihat Madison & Sundell, 2022). Bias juga wujud dalam jenis penerbitan berbeza, di mana makalah jurnal sering dinilai lebih tinggi berbanding dengan jenis penerbitan lain seperti buku atau prosiding persidangan, walaupun kepentingan relatif jenis penerbitan ini mungkin berbeza mengikut disiplin.

Manipulasi dan salah guna metrik bibliometrik juga merupakan cabaran yang semakin meningkat (Yu & Wang, 2007). Sebahagian pengarang atau ahli sidang editorial jurnal mungkin cuba meningkatkan bilangan petikan mereka secara tiruan melalui petikan sendiri yang berlebihan atau melalui jaringan petikan, di mana sekumpulan pengarang bersetuju untuk saling memetik kerja masing-masing. Selain itu, terdapat risiko salah tafsir metrik, seperti menggunakan faktor impak jurnal sebagai proksi untuk kualiti artikel individu, atau mengabaikan konteks dan perbezaan antara bidang dalam pentafsiran metrik ini. Amalan-amalan ini tentunya boleh mengganggu integriti penilaian bibliometrik dan memberi gambaran yang tidak tepat tentang impak sebenar penyelidikan.

Pertimbangan Etika dan Privasi

Isu etika dan privasi juga perlu diteliti dalam kajian bibliometrik. Penggunaan data peribadi penyelidik dalam analisis bibliometrik boleh menimbulkan kebimbangan tentang privasi. Selain itu, tekanan untuk menerbitkan yang dikenali sebagai “*publish or perish*” boleh menggalakkan penerbitan yang mengutamakan kuantiti berbanding kualiti, seterusnya mengganggu integriti penyelidikan. Penggunaan metrik bibliometrik dalam keputusan pengambilan dan kenaikan pangkat akademik juga membawa implikasi etika yang perlu dipertimbangkan dengan teliti.

Akhir sekali ialah cabaran dalam interpretasi dan konteks metrik bibliometrik. Metrik kuantitatif, walaupun berguna, mungkin gagal

menangkap nilai sebenar atau impak penyelidikan yang sering bersifat kualitatif. Perbezaan antara disiplin dalam corak penerbitan dan petikan menjadikannya sukar untuk membuat perbandingan yang adil merentasi bidang yang berbeza. Faktor masa juga memainkan peranan penting, kerana tempoh yang diperlukan untuk makalah untuk mencapai tahap petikan yang stabil boleh berbeza-beza antara bidang, menjadikan perbandingan prestasi jangka pendek kurang bermakna.

Kesimpulannya, cabaran-cabaran ini menunjukkan perlunya pendekatan yang lebih komprehensif dan kontekstual dalam kajian bibliometrik. Penggunaan pelbagai sumber data dan metrik, pertimbangan konteks disiplin dan geografi, dan penggabungan analisis kuantitatif dengan penilaian kualitatif adalah sangat penting. Para penyelidik perlu sentiasa mengemas kini metodologi mereka untuk mengikuti perkembangan dalam landskap penerbitan akademik. Dengan memahami dan menangani cabaran-cabaran ini secara proaktif, kajian bibliometrik dapat terus berkembang sebagai alat yang berharga dalam menilai dan meningkatkan kualiti serta impak penerbitan ilmiah.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Analisis bibliometrik membawa implikasi penting dan mencetuskan beberapa cadangan untuk pihak pengurusan jurnal dalam dunia penerbitan akademik. Bagi sidang editorial jurnal, strategi untuk meningkatkan keterlihatan dan impak jurnal menjadi keutamaan dalam era digital ini. Mereka perlu mempertimbangkan penggunaan pelbagai platform dalam talian untuk mempromosikan kandungan jurnal, termasuk media sosial dan repositori secara terbuka. Pengoptimuman enjin carian untuk artikel jurnal juga penting untuk memastikan penyelidik dapat menemui kandungan dengan mudah. Pengurus jurnal boleh mempertimbangkan untuk menerbitkan ulasan topik semasa atau artikel pandangan yang cenderung untuk menarik lebih banyak petikan. Selain itu, menggalakkan penerbitan capaian terbuka boleh meningkatkan keterlihatan dan potensi petikan artikel. Sidang editorial jurnal juga perlu mempertimbangkan untuk mengadakan isu khas atau menjemput penyumbang yang terkenal untuk meningkatkan profil jurnal.

Dasar editorial berasaskan analisis bibliometrik juga menjadi semakin penting bagi pengurus jurnal. Mereka boleh menggunakan data

bibliometrik untuk mengenal pasti bidang penyelidikan yang sedang berkembang dan mengarahkan fokus jurnal ke arah topik-topik ini. Analisis corak petikan boleh membantu dalam pemilihan pengulas yang sesuai untuk manuskrip yang diserahkan. Pengurus jurnal juga boleh menggunakan metrik artikel individu untuk mengenal pasti penyelidikan yang mempunyai impak tinggi dan menggalakkan perbincangan atau ulasan susulan berdasarkan penemuan ini. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk mengimbangi fokus pada metrik dengan pertimbangan kualiti dan keaslian penyelidikan untuk mengekalkan integriti jurnal.

Pendekatan holistik dalam penilaian prestasi saintifik adalah penting bagi penggubal dasar seperti pihak Kementerian Pengajian Tinggi atau universiti. Pendekatan yang melibatkan gabungan penilaian kuantitatif dan kualitatif perlu diberi perhatian. Selain metrik bibliometrik, penggubal dasar harus mempertimbangkan faktor-faktor seperti keaslian penyelidikan, potensi impak jangka panjang, dan sumbangan kepada bidang atau masyarakat yang lebih luas. Penilaian rakan sebaya yang teliti masih memainkan peranan penting dalam menilai kualiti penyelidikan. Penggubal dasar juga perlu menggalakkan ketelusan dalam proses penilaian dan memastikan bahawa penyelidik memahami kriteria yang digunakan untuk menilai kerja mereka.

Dalam konteks RENTAS Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya, dapatan penting mengenai pemetaan domain kajian, analisis trend penulisan, serta manfaat refleksi seperti hubungan antara statistik tinjauan/muat turun pengguna dengan fokus kajian, selain sumbangan tokoh dalam ketiga-tiga domain tujahan jurnal perlu dimanfaatkan sebaiknya oleh penggubal dasar jurnal ini dalam perencanaan kegiatannya pada masa hadapan.

KESIMPULAN

Makalah ini membincangkan secara mendalam tentang prestasi dan impak penerbitan akademik dan memberikan pandangan kepada pengurusan editorial jurnal, penyelidik, dan penggubal dasar, khususnya berteraskan tiga domain tumpuan RENTAS Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya. Berbantuan perbandingan 15,527 makalah berindeks Scopus dan 30 makalah RENTAS Jurnal Bahasa, Sastra

dan Budaya, analisis bertunjangkan dua petunjuk bibliometrik ini membuktikan bahawa jurnal ini berada pada landasan yang positif yang bercirikan trend dan jaringan tema penerbitan yang relevan. Statistik lawatan dan muat turun pengguna RENTAS Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya yang diketengahkan juga menemukan beberapa maklumat penting bagi penentuan hala tuju jurnal kajian.

Makalah ini turut membahaskan keperluan mendesak untuk pendekatan yang lebih holistik dalam penilaian penyelidikan. Walaupun metrik kuantitatif menawarkan pandangan objektif, kepentingan penilaian kualitatif tidak boleh diabaikan. Gabungan kedua-dua pendekatan ini membolehkan penilaian yang lebih komprehensif dan adil terhadap prestasi penyelidikan. Bagi pengurusan editorial jurnal, penemuan kajian ini membawa implikasi penting dalam strategi meningkatkan keterlihatan dan impak jurnal mereka. Pengoptimuman enjin carian, penggunaan platform digital, dan pembentukan dasar editorial yang dibina berpandukan analisis bibliometrik adalah antara langkah-langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan prestasi jurnal.

Kepentingan metrik seperti faktor impak dan indeks-h juga tidak dapat disangkal. Namun, penggunaan metrik ini juga mempunyai cabarannya yang tersendiri. Isu seperti kualiti data, bias dalam liputan dan bahasa, serta risiko manipulasi metrik turut dikenal pasti sebagai halangan yang perlu diatasi untuk memastikan ketepatan dan keadilan dalam penilaian prestasi jurnal. Dari sisi berbeza, pembuat dasar menghadapi cabaran dalam menggunakan metrik secara bertanggungjawab bagi memanfaatkan pendekatan yang lebih menyeluruh dalam penilaian prestasi penerbitan ilmiah. Berlatarkan dapatan dan refleksi yang dijalankan, makalah ini mencadangkan agar pembuat dasar menggunakan pelbagai metrik dan bukannya bergantung pada satu ukuran sahaja. Ketelusan dalam penggunaan metrik dan kriteria penilaian juga disarankan untuk memastikan keadilan dan pemahaman dalam komuniti penyelidikan.

Kesimpulannya, walaupun analisis bibliometrik menawarkan pandangan yang sangat berharga tentang prestasi dan impak penyelidikan, dapatan yang dijana perlu dimanfaatkan sebaiknya dan dalam konteks yang relevan. Pendekatan yang seimbang dan komprehensif dalam penilaian penyelidikan akan membantu memastikan bahawa kualiti dan impak sebenar kerja ilmiah diiktiraf dan dihargai sewajarnya. Masa depan kajian bibliometrik harus terus

meneroka cara-cara untuk meningkatkan ketepatan dan kerelevanan metrik, sambil mencari pendekatan inovatif untuk mengukur impak penyelidikan yang lebih luas terhadap masyarakat dan kemajuan ilmu pengetahuan. Dengan pendekatan yang teliti dan bertanggungjawab, analisis bibliometrik akan terus memainkan peranan penting dalam membentuk landskap penyelidikan dan penerbitan akademik pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Pengenalan: Zamimah Osman

Sorotan Literatur: Zamimah Osman dan Mohamad Zakuan Tuan Ibharim

Metodologi: Zamimah Osman dan Mohamad Zakuan Tuan Ibharim

Analisis: Mohamad Zakuan Tuan Ibharim

Dapatan: Mohamad Zakuan Tuan Ibharim

Perbincangan: Zamimah Osman dan Mohamad Zakuan Tuan Ibharim

Kesimpulan: Zamimah Osman

Rujukan: Zamimah Osman dan Mohamad Zakuan Tuan Ibharim

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Awg Asbol Haji Mail. (2023). Kesultanan Brunei dan Aceh tradisional (Abad ke 14 – 19 Masihi): Satu perbandingan konsep daulat dan derhaka. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 139 – 154. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.6>
- Bornmann, L., & Mutz, R. (2015). Growth rates of modern science: A bibliometric analysis based on the number of publications and cited references. *Journal of the Association for Information Science and Technology*, 66(11), 2215-2222.
- Cowell, D. C. (2024). Accentuating stylistic features in the narrative technique of Hikayat Gul Bakawali. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, 47–69. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.3>
- Ellegaard, O., & Wallin, J. A. (2015). The bibliometric analysis of scholarly production: How great is the impact? *Scientometrics*, 105(3), 1809-1831.
- Hasmidar Hassan, Muhammad Zuhair Zainal & Siti Ifwah Fauzani Chuchu. (2024). ‘Memandangkan’ sebagai kata hubung dalam bahasa Melayu berdasarkan perspektif nahu preskriptif dan deskriptif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, 141–160. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.7>
- Hicks, D., Wouters, P., Waltman, L., de Rijcke, S., & Rafols, I. (2015). Bibliometrics: The Leiden manifesto for research metrics. *Nature*, 520(7548), 429-431.
- Lee, D. (2023). Bibliometric analysis of Asian ‘language and linguistics’ research: A case of 13 countries. *Humanities and Social Sciences Communications*, 10, 379. <https://doi.org/10.1057/s41599-023-01840-6>
- Li, Y., Zhou, X., Yin, H. & Chiu, T. K. F. (2025). Design language learning with artificial intelligence (AI) chatbots based on activity theory: From a systematic review. *Smart Learning Environments*, 11(1), 24. <https://doi.org/10.1186/s40561-025-00379-0>
- Madison, G., & Sundell, K. (2022). Numbers of publications and citations for researchers in fields pertinent to the social services:

- A comparison of peer-reviewed journal publications across six disciplines. *Scientometrics*, 127, 6029–6046. <https://doi.org/10.1007/s11192-022-04495-3>
- Mingers, J., & Leydesdorff, L. (2015). A review of theory and practice in scientometrics. *European Journal of Operational Research*, 246(1), 1-19.
- Mohamad Zakuan Tuan Ibharim, & Khairul Faiz Alimi. (2024). Subtitling Malay taboo language into English: The case of The Assistant (2022). *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, 119–140. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.6>
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Almahera Abu Hassan & Syahidatul Munirah Badrul Munir (2022). Puisi sebagai alat revolusioner: Analisis tekstual puisi-puisi perjuangan patani dalam internet. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 85–115. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.3>
- Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin. (2022). Analisis kata kunci dalam soalan karangan Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan menggunakan perisian atlas.Ti 9. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 205–222. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.8>
- Muhardis. (2024). The internal values of akhlak in Kaba Si Sabariah for educational character development. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, 71–93. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.4>
- N. Lia Marliana, Sri Harini Ekowati, & Kurniasih Ratri Handayani. (2024). Indonesian teaching materials for multicultural character education in Singapore Indonesian School. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, 161–188. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.8>
- Nomoto, H., D. Moeljadi, & Farhan Athirah Abdul Razak (2024). Masalah teknologi dan isu sosial berkaitan penggunaan ChatGPT dalam bahasa Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, 1-22. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.1>
- Nor Hashimah Jalaluddin (2023). Elemen bahasa, budaya dan persekitaran dalam ekolinguistik. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 1–21. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.1>
- Pritchard, A. (1969). Statistical bibliography or bibliometrics? *Journal of Documentation*, 25(4), 348-349.
- Rajathi J, R., & Kalamani, S. (2020). Digital literature: A literary trend of the twenty-first century. *International Journal of Advanced*

- Research*, 8(11), 1100-1106. <https://dx.doi.org/10.21474/IJAR01/12062>
- Shaharir Mohamad Zain. (2022). Beberapa isu pemeribumian linguistik bahasa Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 1–49. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.1>
- Suganda, D., Yuliawati, S., & Darmayanti, N. (2022). Expression of emotion as impoliteness markers in comment columns in Instagram Indonesia: A pragmatic study. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 117–134. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.4>
- Sugimoto, C. R., & Larivière, V. (2018). *Measuring research: What everyone needs to know*. Oxford University Press.
- Tee Boon Chuan. (2023). Benarkah morfologi bahasa Melayu sedia ada bersifat sekunder? *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 177–193. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.8>
- Waemasna Waeyusoh & Yusniza Yaakub. (2023). Konotatif, afektif dan reflektif memanifestasikan kebijakan akal budi Melayu Patani. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 155–176. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.7>
- Yang, Z., Wang, P. Current status and research trend of English language assessment: a bibliometric analysis. *Lang Test Asia* 15, 11 (2025). <https://doi.org/10.1186/s40468-024-00317-w>
- Yu, G., & Wang, L. (2007). The self-cited rate of scientific journals and the manipulation of their impact factors. *Scientometrics*, 73(3), 321–330. <https://doi.org/10.1007/s11192-007-1779-8>
- Zhang, W., Liu, Y., & Chen, H. (2024). The impact of different conversational generative AI chatbots on EFL learners: An analysis of willingness to communicate, foreign language speaking anxiety, and self-perceived communicative competence. *System*, 127, 103533. <https://doi.org/10.1016/j.system.2024.103533>